

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 3 December, 2019 12:49 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelancaran Kelab Anak Istimewa UUM Tanda Keprihatinan UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 DISEMBER 2019 / 6 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

PELANCARAN KELAB ANAK ISTIMEWA UUM TANDA KEPRIHATINAN UUM



UUM ONLINE: Pelbagai cabaran mendepani ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa atau Orang Kelainan Upaya (OKU) yang memerlukan perhatian dan kasih sayang terutamanya daripada keluarga sendiri.

Menurut Prof. Madya Dr. Salniza Mat Salleh, ibu bapa yang mempunyai anak-anak ini memerlukan sokongan kerana menghadapi masalah seperti kewangan, masa dan tenaga dalam menguruskan keperluan serta kebajikan anak-anak syurga mereka.

“Ada di antara mereka yang mengalami tahap stres yang tinggi serta tekanan emosi berbanding ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang normal.

“Antara penyebab stres adalah berkaitan keperluan pengurusan anak yang tinggi serta kekurangan perkhidmatan dan sokongan,” ujarinya sejurus sebelum merasmikan pelancaran Kelab Anak Istimewa UUM, di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM.

Menurutnya, perkhidmatan dan sokongan untuk kanak-kanak istimewa di Malaysia jauh ketinggalan berbanding di negara maju yang memberi cabaran yang sangat hebat kepada ibu bapa yang mempunyai anak istimewa.

“Stres serta tekanan emosi dapat mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan ibu bapa ini.

“Menyedari masalah sebegini wujud di UUM dan setelah beberapa perbincangan diadakan dalam kalangan staf yang mempunyai anak-anak istimewa, maka penubuhan Kelab Anak Istimewa UUM tepat pada masanya selain menyediakan ruang untuk staf berkumpul berkongsi pengalaman dan pengetahuan,” ucapinya pada program anjuran Jawatankuasa Penaja Kelab Staf Dengan Anak- Anak Istimewa.

Kelab Anak Istimewa UUM bermatlamat untuk menyediakan suatu landasan yang membantu pengamal, ahli akademik dan masyarakat yang terlibat dalam bidang ini untuk membincangkan strategi dan hala tuju pembangunan anak-anak istimewa masa kini dan akan datang.

Kelab ini turut mengenalpasti cabaran semasa dan peluang dalam membangunkan anak-anak istimewa ini di dalam persekitaran sosio-ekonomi, teknologi yang canggih dan politik global yang semakin mencabar selain membina jaringan kerja dan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah peluang penyelidikan, latihan, perundingan dan pembangunan.

Di samping itu juga, kelab mengadakan program pembelajaran dan pelbagai aktiviti khusus serta mewujudkan satu pusat sehenti (*one stop center*) untuk keperluan anak-anak istimewa dan ibu bapa atau penjaga.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.